

Headline	Hutan SPF Pasoh		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	29TO31	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	2503 cm ²
Journalist	MOHD. SHAZWAN YUSOP	AdValue	RM 64,957
Frequency	Daily	PR Value	RM 194,871



HORIZON
JALAN-JALAN MAKAN ANGIN

Kosmo! • KHAMIS 23 JUN 2016

Ikuti kami di Kosmo_Online

**Hutan
SPF Pasoh**

> Lihat muka 30 & 31

Headline	Hutan SPF Pasoh		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	29TO31	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	2503 cm ²
Journalist	MOHD. SHAZWAN YUSOP	AdValue	RM 64,957
Frequency	Daily	PR Value	RM 194,871

HORIZON
JALAN-JALAN MAKAN ANGIN

Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOP
Foto GAIE UCHEL

30

TITIAN kanopi sejauh 30 meter ini memudahkan pengunjung melihat suasana hutan dari atas.

AHMAD (kanan) menunjukkan pokok yang berusia ratusan tahun.

Tapak penyelidikan intensif ekologi

SPF Pasoh, Jelebu, Negeri Sembilan menjadi pusat pelbagai projek penyelidikan biodiversiti, produktiviti hutan, flora, fauna, mikrometeorologi, tanah dan hidrologi.

AHMAD

HAQIMIE EKHRAM

NURHIDAYU

PERASAAN teruja jelas terpancar pada wajah gadis berusia 21 tahun itu setelah menjakkan kaki ke Stesen Penyelidikan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Pasoh atau lebih dikenali SPF Pasoh, Jelebu, Negeri Sembilan.

Nurhidayu Jamal terpaksa menempuh perjalanan sejauh 90 kilometer dari bandar Seremban ke kawasan tersebut, namun rasa lelahnya terus hilang sebaik disambut rimbunan SPF Pasoh yang sejuk dan menghijau.

Norhidayu tidak sememana-mena terus bersemangat dan tidak sabar untuk meneruskan penjelajahan di kawasan sekitar hutan simpan yang berkeluasan 1,840 hektar itu.

Selapis mendapat penerangan ringkas daripada kakitangan FRIM, dia bersama tiga lagi rakannya terus dibawa melawat hutan tersebut.

"Saya bukanlah seorang penggemar aktiviti lasak, namun perasaan ingin meneroka keindahan hutan ini membuatkan saya sangat teruja dan tidak sabar," katanya ketika ditemui bual *Kosmo!* baru-baru ini.

Ujar pelajar Universiti Teknologi Mara, Lendu, Melaka itu, tujuan utama dia ke hutan tersebut adalah untuk menaiki menara aloi berkembar.

Norhidayu berkata, walaupun terpaksa memanjat tangga setinggi 30 meter sebelum sampai ke puncak, namun ia bukan penghalang kepada Nurhidayu untuk mencapai hasratnya itu.

"Perasaan gayat itu memang ada sewaktu memanjat menara ini. Tetapi selepas berada di atas puncak, perasaan tersebut hilang."

"Sewaktu berada di atas menara ini, saya berpeluang melihat kawasan sekitar SPF

PENGUNJUNG perlu mendapatkan kebenaran di pejabat SPF Pasoh sebelum menjelajah kawasan sekitarnya.

Pasoh dengan lebih jelas sambil bergambar kenangan bersama rakan-rakan, ujarnya.

Bagi mereka yang belum pernah sampai ke lokasi tersebut, SPF Pasoh bukanlah semata-mata institusi yang menjalankan penyelidikan perhutanan tropika dan kajian-kajian yang berkaitan.

Lebih daripada itu, kawasan hutan berkenaan turut menawarkan paket melawat Hutan Simpan Pasoh kepada pelancong serta mereka yang gemar mengkaji menceritakan hal tertentu, tentang alam semula jadi.

Penolong Pemelihara Hutan FRIM, Ahmad Awang berkata, sejak tahun 1970 hingga 1974, SPF Pasoh sememangnya telah menjadi tapak penyelidikan intensif ekologi dan dinamik hutan hujan pamah bawah projek penyelidikan bersama Universiti Malaya dan International Biological Programme (IBM).

PARA pengunjung perlu berjalan menelusuri denai untuk meneroka kawasan SPF Pasoh.

Katanya, kawasan tersebut juga merupakan tapak kajian utama bagi Projek Pembelaan Biologi Pokok Hutan, iaitu sebuah projek kerjasama antara Universiti Aberdeen dan Universiti Malaya.

"Sejak itu, pelbagai projek penyelidikan biodiversiti, produktiviti hutan, flora, fauna, mikrometeorologi, tanah, hidrologi dan kitaran nutrien telah dijalankan dengan kerjasama universiti-universiti tempatan.

"Pada Disember 1977, FRIM telah mengambil alih pengurusan hutan SPF Pasoh daripada Universiti Malaya. Ia dicapai melalui kerjasama Jabatan Perhutanan negeri," katanya.

Ratusan tahun

Menurut Ahmad, pengambil alih tersebut membolehkan SPF Pasoh menjadi sebuah stesen penyelidikan yang aktif terutama untuk menerima pengkaji dari dalam dan luar negara. Ia juga telah diwartakan sebagai hutan simpan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.

Ujarnya, selain menjadi tempat penyelidikan, SPF Pasoh sering menjadi pilihan sekolah, institusi pengajian tinggi dan orang ramai sebagai pusat pembelajaran sambil beriadah.

"Tarikan utama SPF Pasoh ialah terhadap kepelbagaiaan floranya. Terdapat sebanyak 335,256 batang pokok yang tergolong dalam 814 spesies di kawasan ini. Kebanyakan pokok ini berusia ratusan tahun."

Powered by: 

Headline	Hutan SPF Pasoh		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	29TO31	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	2503 cm ²
Journalist	MOHD. SHAZWAN YUSOP	AdValue	RM 64,957
Frequency	Daily	PR Value	RM 194,871



SEKUMPULAN pelajar melakukan aktiviti riadah di sekitar kawasan SPF Pasoh.

PENGUNJUNG perlu menaiki tangga setinggi 30 meter ini untuk sampai ke puncak menara aloi.

KEMUDAHAN khemah ini boleh disewa daripada pihak FRIM.

Burung
“Pengunjung juga berpeluang melihat dan bergambar dengan pokok terbesar di SPF Pasoh iaitu cengal yang mempunyai diameter 210.5 sentimeter,” katanya.

Tambahnya, walaupun Pasoh tidak lagi mempunyai haiwan berkarsma seperti harimau dan gajah, namun ia masih mempunyai komposisi mamalia kecil dan primat.

Tidak cukup dengan itu, FRIM turut membina sebuah menara aloi berkembar tiga dengan kerjasama National Institute on Environmental Studies (NIES) of Japan pada tahun 1992.

Jelasnya, menerusi menara setinggi 30 meter itu pengunjung berpeluang melalui denai alam yang membolehkan mereka melihat keindahan kawasan sekitar sambil mengenali pokok-pokok.

“Menara aloi berkembar tiga ini digunakan secara meluas di Amerika Syarikat, namun ia satu-satunya yang terdapat di negara ini.

“Para pengunjung berpeluang menaiki menara ini secara percuma. Namun, mereka perlu mendapat kebenaran daripada pihak kami terlebih dahulu. Ia bagi mengelakkan berlakunya sebarang kejadian tidak diingini,” jelasnya.

Bagi menarik lebih ramai pengunjung, pihak FRIM turut membina kemudahan penginapan.

Jelas Ahmad, pihaknya

menyediakan kemudahan asrama yang mampu memuatkan seramai 30 orang dalam satu-satu masa. Asrama tersebut dilengkapi dengan tilam dan katil.

Selain itu, kemudahan sewa khemah turut disediakan kepada mereka yang bermingat untuk tidur sambil bertemankan alam semula jadi.

Jurupandu

“Kadar sewa asrama di sini adalah serendah RM50 sehari. Asrama tersebut lengkap dengan bekalan air dan internet.

“Justeru, kami amat mengalau-alukan kedatangan mereka yang ingin bermalam dan melakukan aktiviti secara berkumpulan di sini,” katanya sambil memaklumkan jumlah kedatangan pengunjung pada tahun lalu adalah seramai 542 orang.

Sementara itu, salah seorang pengunjung, **Haqimie Ekhram Radzali, 25**, berkata, dia jatuh cinta selepas melawat kawasan SPF Pasoh buat kali pertama

pada Mei lalu.

Remaja berasal dari Seremban itu memaklumkan, hasil daripada kunjungan tersebut, dia dapat mempelajari pelbagai ilmu berkaitan alam terutamanya spesies-spesies pokok.

“Ini kali kedua saya ke SPF Pasoh selepas tertarik dengan kawasan sekitarnya yang nyaman dan menyenangkan.

“Saya juga berpeluang mengenali dengan lebih dekat jenis-jenis pohon hutan seperti pokok cengal, meranti, kempas dan tumbuhan liar lain,” katanya.

Menurut Pelajar Management and Science University (MSU), Shah Alam, Selangor itu, dia lebih selesa menikmati pemandangan sekitar bersama jurupandu yang terdiri daripada kakitangan FRIM berbanding secara bersendirian.

“Dia memberitahu, langkah tersebut membolehkannya mempelajari serba sedikit ilmu hutan terutamanya daripada kakitangan yang berpengalaman.

INFO SPF Pasoh

■ SPF Pasoh terletak di Hutan Simpan Pasoh, Negeri Sembilan dengan keluasan 1,840 hektar.

■ Sebahagian besar kawasan ini dilitupi hutan dipterokarpa parah daripada jenis keruing-meranti merah manakala timur hutan ini dimencapadi hutan bukit dipterokarpa.

■ Kawasan utama 600 hektar ialah hutan dara manakala di sekelinginya hutan terpulih yang bertindak sebagai zon penampang.

■ Rekod kepelbagaian flora di SPF Pasoh mencencah 814 spesies pokok.

■ Kepelbagaian haiwan mamalia mewakili 56 peratus jumlah keseluruhan di Semenanjung Malaysia manakala 233 spesies burung dan 75 spesies reptilia dan amfibia.

■ Alamat: Taman IPPM, Simpang Pertang, Jelebu, Negeri Sembilan

■ Bayaran masuk: Percuma

■ Telefon: 03-6272 9852

■ Laman web: www.frim.gov.my

Usaha promosi ekopelancongan di Jelebu

DAERAH Jelebu, Negeri Sembilan bukanlah asing dalam kalangan penggemar aktiviti sukan lasak di Malaysia.

Ini memandangkan daerah kedua terbesar di Negeri Sembilan itu mempunyai bentuk permukaan bumi berbukit bukan terutamanya di sebelah utara yang merupakan unjuran penghujung Banjaran Titiwangsa.

Situasi ini memberi peluang kepada Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS) untuk mempromosikan tempat-tempat



BAHRUDIN

menarik di daerah tersebut.

Pengurus Besar Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan, Baharudin Jali berkata, pihaknya telah mengenal pasti beberapa destinasi di Jelebu yang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan ekopelancongan.

Katanya, destinasi tersebut mempunyai keunikan dan daya tarikan tersendiri yang tidak ada di tempat lain.

“Kami berhasrat menjadikan Jelebu sebagai kawasan ekopelancongan utama di Negeri

Sembilan. Ini kerana kawasan itu masih dilitupi oleh hutan dan mempunyai jeram menarik untuk diteroka.

“Antara tempat yang berpotensi untuk dimajukan termasuklah Gua Pasoh, Taman Alam Liar Negeri, Gua Besar Hantu, Gunung Telapak Buruk dan Hutan Simpan Pasoh,” katanya ketika dihubungi **Kosmo** baru-baru ini.

Menurut Baharudin, LPNS turut merancang beberapa aktiviti menarik di kawasan tersebut dalam usaha memperkenalkannya kepada masyarakat luar.

Ujarnya, salah satu acara

terbesar yang bakal diadakan adalah Shemud International Women Challange pada November tahun ini di Taman Alam Liar Negeri.

Pihaknya juga giat mengadakan lawatan-lawatan membawa pelawat luar ke kawasan berkenan secara berkala.

“Usaha-usaha ini diharap sedikit sebanyak membantu memperkenal dan menaikkan Jelebu sebagai kawasan tumpuan pelancongan.

“Keadaan ini pastinya akan membawa manfaat kepada penduduk tempat dari aspek jualan barang dan perkhidmatan penginapan,” ujarnya.